



**UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
SEMPENA PELANCARAN HARI HARTA INTELEK NEGARA 2009**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pada Pelancaran Hari Harta Intelek Negara pada 23 April 2009, UTM telah berjaya dianugerahkan (1) Hadiah Utama Harta Intelek Negara (2) Anugerah Harta Intelek - Paten – Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail.

Saya bagi pihak Team Pengurusan UTM mengucapkan terima kasih atas sokongan dan kerjasama semua pihak dari profesor, pensyarah (ada PhD atau tiada PhD), pelajar, Pegawai Penyelidik (RO), Pembantu Penyelidik (RA), Juruteknik, Pembantu Makmal, staf fakulti, staf RMC, staf Pejabat Bendahari, staf Perpustakaan Sultanah Zanariah, staf Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT), staf Pejabat Harta Bina, staf Pejabat Hal Ehwal Korporat, Pejabat Pendaftar, Pejabat Keselamatan dan seluruh pihak yang tidak mampu saya sebutkan satu persatu yang sebenarnya semuanya turut terlibat dan bertanggungjawab secara langsung dan tak langsung selama ini sehingga UTM berjaya mengatasi IPT dan agensi penyelidikan lain.

Anugerah tersebut adalah untuk kita semua! Tahniah!

Saya berharap anugerah prestij itu menyemarakkan lagi komitmen, motivasi, ketulusan, daya juang dan keikhlasan kita untuk terus menyemai bakti kepada UTM, bangsa, agama dan negara!

Sekian, terima kasih. Wassalam

PROF. DATO' IR. DR. ZAINI UJANG
Naib Canselor
zaini@utm.my